

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : NASIONAL

## KKM dalam proses nilai kesihatan mental kanak-kanak

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan (KKM) sedang menilai tahap kesihatan mental kanak-kanak yang diselamatkan daripada rumah amal kendalian GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata kanak-kanak terjejas dikhuatiri ber-

depan dengan isu kesihatan mental akibat trauma dihadapi.

"Banyak perkara masih dalam siasatan. Kami (KKM) akan terabit dari sudut untuk memberi kaunseling dan saya percaya bahagian Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH) terabit pada peringkat klinik,"

katanya selepas majlis sambutan Hari Warga Emas peringkat KKM 2024, di sini semalam.

Beliau berkata, kanak-kanak yang terjejas sudah diberi kaunseling, namun statistik terkini masih belum diperolehi.

Secara umumnya Dr Dzulkefly berkata, NCEMH bekerjasama

dalam menyediakan sokongan kaunseling kepada kanak-kanak, manakala KKM terabit dalam hal berkaitan aspek kesihatan dan perubatan.

Beliau berkata, sokongan perkhidmatan secara khusus akan diberikan kepada kanak-kanak yang terjejas berlandaskan kepa-

karan KKM.

Pada 11 September lalu, polis menyerbu 20 rumah amal di kendalian GISBH di Selangor dan Negeri Sembilan dan menyelamatkan 402 kanak-kanak susulan dakwaan pengabaian kanak-kanak, amang seksual dan perbuatan cabul. BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 16  
RUANGAN : NASIONAL

## Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesehatan Awam 2024 (Akta 852)

# Penguat kuasa KKM ambil pendekatan berhemah

**Putrajaya:** Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesehatan Awam 2024 (Akta 852) akan dikuatkuasakan secara berhemah dan munasabah, kata Menteri Kesehatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Akta yang diwartakan 2 Februari lalu, mula berkuat kuasa semalam serentak bersama Peraturan-Peraturan dan Perintah di bawahnya.

"Saya yakin penguat kuasa Kementerian Kesehatan (KKM) (akan) ambil pendekatan berhemah supaya kerelaan dan kesediaan mereka yang terbabit dalam industri ini memahami kita (kerajaan) lakukan semua ini adalah untuk kebaikan kesehatan generasi muda," kata-

nya kepada media selepas majlis sambutan Hari Warga Emas peringkat Kementerian Kesehatan, di sini semalam.

Dr Dzulkefly berkata, terdapat dua aspek dalam pelaksanaan akta itu, iaitu serta-merta dan penguatkuasaan pendidikan, agar wujud suasana saling menghormati undang-undang dan hak terutama dalam penjualan produk tembakau rokok elektronik atau vape kepada kanak-kanak bawah umur.

Beliau berkata, antara cabaran ialah mengenal pasti umur pembeli serta kesukaran memastikan individu yang membeli produk tembakau ialah orang belum dewasa (OBD).

Penguatkuasaan serta-merta

bermula semalam membabitkan penjualan produk merokok yang berbentuk permainan dan menarik perhatian kanak-kanak serta remaja bertujuan mengekang kebolehdapatan produk itu.

Dr Dzulkefly berkata, hal itu kerana KKM memandang serius kesan buruk amalan merokok berleluasa, termasuk promosi pemasaran kurang beretika yang menyasarkan golongan berkenaan.

Selain itu, peruntukan akta juga membabitkan pengiklanan, promosi dan tajaan semua jenis produk merokok serta berkaitan tempat larangan penjualan produk merokok seperti institusi pendidikan, pasar jualan dalam talian dan mesin layan diri.

Penguatkuasaan pendidikan pula akan dilaksanakan dahulu bagi tempoh enam hingga 12 bulan daripada tarikh kuat kuasa produk merokok yang akan dikuatkuasakan bermula 1 April 2025, kawalan jualan, termasuk pameran di kaunter jualan (1 April 2025) serta pembungkusan dan pelabelan (1 Oktober 2025).

BERNAMA



AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : LOKAL

## Buat penilaian mental kesan trauma

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan (KKM) menilai tahap kesihatan mental kanak-kanak diselamatkan daripada rumah amal kendalian GISB Holdings (GISBH).

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, kanak-kanak terjejas dikuatiri berdepan isu kesihatan mental akibat trauma dihadapi.

"Banyak perkara masih dalam siasatan. Kami (KKM) terbabit memberi kaunseling dan saya percaya bahagian Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH) berperanan di peringkat klinik," katanya selepas majlis sambutan Hari Warga Emas peringkat KKM 2024, di sini, semalam.

Menurutnya, kanak-kanak terjejas sudah diberikan kaunseling, namun statistik terkini masih belum diperolehi.

Katanya, secara umum NCEMH bekerjasama dalam menyediakan sokongan kaunseling kepada kanak-kanak, manakala KKM terbabit dalam hal berkaitan aspek kesihatan dan perubatan.

"Sokongan perkhidmatan secara khusus akan diberikan kepada kanak-kanak yang terjejas berlandaskan kepakaran KKM," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 7  
RUANGAN : LOKAL

Oleh Mahaizura  
Abd Malik  
mahaizura@mediapri-  
ma.com.my

Kuala Lumpur

## PENGUATKUASAAN AKTA 852

# Perluaskan pemahaman

**P**enguatkuasaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) bermula semalam bukan setakat hanya dipantau, malah program advokasi perlu diperluas bagi memastikan pelaksanaannya mencapai matlamat.

Ini kerana kebanyakan orang ramai masih tidak sedar dan tidak memahami dengan jelas perincian Akta 852 berkenaan, malah tinjauan Harian Metro mendapati premis perniagaan masih menjual rokok secara terbuka.

Pekerja swasta dikenali sebagai Man, 35, berkata, kerajaan perlu memperluaskan advokasi kepada orang ramai mengenai peraturan dilaksanakan dalam Akta 852, tambahan pula ia dilakukan secara berfasa bagi mengelak kekeliruan.

"Dulu saya tahu dalam bangunan dan premis kerajaan tidak dibenarkan merokok selain perlu jarak tiga meter dari kedai makan. Tapi untuk Akta 852 ini, ia masih baru dikuatkuasakan.

"Banyak perlu dijelaskan dan mungkin mengambil masa, jadi saya harap di samping penguatkuasaan dengan tindakan tegas, pemahaman perincian akta itu serta pendidikan juga perlu diperluaskan supaya

matlamatnya untuk memberi kesedaran kepada orang ramai terutama anak muda dan remaja tercapai," katanya.


Pengurus cawangan kedai serbaneka, Laila, 29, pula berkata, dia tidak mengetahui mengenai pelaksanaan Akta 352 yang dikuatkuasakan semalam.

"Biasanya kalau ada pembaharuan, memo akan dikeluarkan (majikan) tetapi buat masa ini kami masih tidak dapat apa-apa arahan daripada pihak pengurusan dan masih menjual rokok di kaunter macam biasa.

"Berkenaan akta ini, kita pun tidak faham apa dimaksudkan dibuat secara berperingkat sama ada mengikut kawasan atau macam mana. Maka lebih baik kerajaan beri penjelasan supaya orang ramai lebih memahami apa yang hendak dilaksanakan," katanya.

Sementara itu, pemilik kedai makan di Wangsa Melawati, Mohd Hafiz Jasli, 41, berkata, langkah penguatkuasaan Akta 852 tepat bagi mengekang gejala tidak sihat dalam kalangan rakyat terutama golongan remaja.

"Memang bagus akta ini dikuatkuasakan kerana saya tengok senario orang merokok di premis makanan masih ada di ma-



PEMBANTU kedai e-rokok menampal tanda harga susulan larangan kedai menjual rokok, produk vape atau e-rokok untuk mempamerkan produk secara terbuka pada tinjauan penguatkuasaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) di sekitar Lembah Klang. - Gambar NSTP/ASWADI ALIAS

na-mana.

"Segelintir mereka (perokok) tanpa segan silu, selamba merokok dalam kedai makan. Sebagai pemilik, saya ambil tanggungjawab menegur perbuatan itu, tetapi adakalanya mereka tidak dapat menerima teguran.

"Lebih menyedihkan saya juga melihat ada remaja merokok, namun mereka agak takut-takut dan biasanya merokok jauh sedikit dari kawasan kedai makan," katanya.

Katanya, Kementerian Kesihatan (KKM) juga perlu meneliti pelaksanaan Akta 852 itu membawa keadilan kepada pemilik premis makanan.

"Kami menyokong penuh langkah kerajaan, bukan hanya menegur pelanggan merokok, malah meja-meja makanan juga diletakkan dengan notis larangan merokok.

"Tetapi saya juga harap KKM lihat adakah adil kesalahan (saman) diletakkan di bahu peniaga ma-

cam kami sedangkan bukan kami suruh pelanggan merokok, malah kami sudah tegah mereka," katanya.

Pemilik restoran yang mahu dikenali sebagai Din, 44, berkata, Akta 852 dilaksanakan secara berperingkat, maka premis mempunyai masa untuk membuat penambahan sebelum kawalan jualan termasuk pameran di kaunter jualan dikuatkuasakan selewat-lewatnya 1 April 2025.

"Kita menyokong apa yang kerajaan buat, tetapi perlu fahami peniaga juga memerlukan masa untuk betulkan mana-mana yang perlu kerana penjualan rokok tidak boleh lagi secara terbuka selepas ini.

"Malah, banyak perkara dalam akta itu kita masih keliru dan tidak berapa faham contohnya pembungkusan dan pelabelan produk yang akan dikuatkuasakan selewat-lewatnya 1 Oktober 2025 merujuk kepada apa?"

"Jadi pentingnya kerajaan beri kefahaman yang jelas kepada orang ramai sebelum melaksanakan akta atau perundangan baharu," katanya.

Berkuatkuasa semalam, Akta 852 yang diwartakan pada 2 Februari lalu dilaksanakan serentak bersama Peraturan-Peraturan dan Perintah di bawahnya.

KKM dalam kenyataan berkata, penguatkuasaan akta itu membabitkan beberapa aspek yang akan dikuatkuasakan secara serentak dan berfasa.

Ia termasuk peruntukan berkaitan penjualan produk merokok yang berbentuk permainan dan menarik perhatian golongan kanak-kanak serta remaja bertujuan mengekang kebolehdapatan produk terbit.

## Pandang serius kesan buruk merokok

**Kuala Lumpur:** Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) yang diwartakan pada 2 Februari lalu akan dikuatkuasa serentak bersama Peraturan-Peraturan dan Perintah di bawahnya, bermula semalam.

Kementerian Kesihatan (KKM) dalam kenyataan, kelmarin memaklumkan penguatkuasaan akta itu membabitkan beberapa aspek yang akan dikuatkuasakan secara serentak dan berfasa.

Ia termasuk peruntukan berkaitan penjualan produk merokok berbentuk permainan dan menarik perhatian golongan kanak-kanak serta remaja bertujuan mengekang kebolehdapatan produk itu.

"(Selain itu) peruntukan yang membabitkan pengiklanan, promosi dan tajuan semua jenis produk

merokok, serta berkaitan tempat larangan penjualan produk merokok seperti institusi pendidikan, pasar jualan, dalam talian dan mesin layan diri," menurut kenyataan itu.

Menurut KKM, penguatkuasaan pendidikan pula akan dilaksanakan dahulu bagi tempoh enam hingga 12 bulan daripada tarikh kuat kuasa bagi aspek seperti pendaftaran produk merokok yang akan dikuatkuasakan bermula 1 April 2025.

**"(Selain itu) peruntukan yang membabitkan pengiklanan, promosi dan tajuan semua jenis produk merokok, serta berkaitan tempat larangan penjualan produk merokok seperti institusi pendidikan, pasar jualan, dalam talian dan mesin layan diri"**

Kementerian Kesihatan (KKM)

Selain itu, pembungkusan dan pelabelan yang akan dikuatkuasakan mengikut produk (product-by-product) selewat-lewatnya 1 Oktober 2025, serta kawalan jualan termasuk pameran di kaunter jualan yang dikuatkuasakan selewat-lewatnya 1 April 2025.

Pada masa sama, KKM memaklumkan penguatkuasaan undang-undang secara berkesinambungan dan mampan juga memerlukan persefahaman serta kerjasama

ma daripada semua pihak.

Oleh itu, KKM akan menerbitkan bahan pendidikan dan advokasi untuk membantu seluruh pihak berkepentingan memahami Akta 852 dengan lebih jelas dan meneruskan sesi libat urus berkaitan pematuhan akta berkenaan terutamanya dengan pemain industri.

"KKM memandang serius kesan buruk amalan merokok yang berleluasa termasuk aktiviti pemasaran dan promosi tidak beretika disasarkan kepada kanak-kanak dan remaja," menurut kenyataan itu.

Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan pelaksanaan penguatkuasaan Akta 852 boleh dibuat di talian 010-860 8949 pada Isnin hingga Jumaat, dari jam 8 pagi hingga 5 petang. - Bernama

## Bentang rancangan pantau, kawalan import

**Kuala Lumpur:** Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menggesa Kementerian Kesihatan (KKM) membentangkan rancangan dalam aspek pemantauan, pengawalan import dan penjualan produk vape.

Presidennya Datuk Dr Kalwinder Singh Khaira berkata, Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) yang dikuatkuasa semalam adalah langkah penting ke arah mengurangkan risiko kesihatan berkaitan merokok dan vape di negara ini.

"Penguatkuasaan pihak berkuasa berkaitan secara berterusan dan konsisten penting untuk memenuhi matlamat akta berkenaan. Kami berharap KKM juga akan berkongsi bagaimana mereka merancang untuk memantau serta

mengawal import dan penjualan produk vape kerana cecair vape tertentu mungkin mengandungi bahan berbahaya lain selain nikotin.

"Mesti ada garis panduan yang jelas tentang apa yang dibenarkan untuk dijual dan diambil," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Dr Kalwinder berkata, MMA mengambil berat mengenai penjualan meluas produk vape di seluruh negara melalui pelbagai saluran termasuk mesin layan diri, yang dibenarkan untuk tidak disekat.

"Kebanyakan produk vape yang dijual di pasaran mengandungi nikotin yang menyebabkan ketagihan awal dalam kalangan kanak-kanak bawah umur," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 13  
RUANGAN : LOKAL

Harian Metro | Rabu 02.10.2024

@hmetromy f HarianMetro t @hmetromy www.hmetro.com.my 13

lokal

# Dua pelan **perkasa** warga emas

KKM komited pastikan agenda bagi perkhidmatan kesihatan warga emas hingga 2030 dicapai

Putrajaya

Kementerian Kesihatan (KKM) semalam melancarkan Pelan Tindakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas KKM 2023-2030 dan Pelan Tindakan Dementia 2023-2030.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, kedua-dua pelan itu merupakan hala tuju perkhidmatan kesihatan warga emas hingga 2030.

Beliau berkata, pelan tersebut menggariskan strategi pemerkasaan penjagaan kesihatan warga emas untuk kekal sihat dalam komuniti menerusi program pencegahan dan penjagaan diri serta melalui perkhidmatan kesihatan yang komprehensif berteraskan penjagaan berpusatkan pesakit.

Selain itu, Dzulkefly berkata, objektif lain termasuk perluasan kebolehcapaian perkhidmatan kesihatan primer kepada warga emas di klinik desa yang bermula sejak Julai 2019 dan sehingga Jun 2024, sebanyak 146 buah klinik desa terlibat.

"Pelan tindakan ini sekaligus memberi hala tuju jelas dan strategik dalam pelaksanaan perkhidmatan kesihatan lebih holistik dan berkesan melalui pendekatan seluruh kerajaan dan seluruh masyarakat," katanya pada majlis sambutan Hari Warga Emas peringkat KKM 2024 di sini, semalam.

Beliau berkata, soal penjagaan kesihatan dan peng-



SEORANG warga emas menghabiskan masa terluang mengumpul sayur kangkung untuk dijual bagi menampung perbelanjaan sampingan selain membersihkan kolam takungan air daripada tumbuhan liar berhampiran rumahnya di Seksyen U5, Bandar Pinggiran Subang. - Gambar NSTP/SHAHRUL M ZAIN.



(DARI kiri) Kamariah Osman 74, Raaiiah Lin 70, Noraina Abas 61, Rahmah Md. Taib 70 dan Asnah Zulkepli 64 diraikan Sukarelawan Kesihatan Komuniti Selangor (SUKA) di satu majlis ringkas di Darul Taqwa, Kampung Kubu Gajah, Sungai Buloh.



DR Dzulkefly (tengah) melawat reruai pameran majlis sambutan Hari Warga Emas peringkat KKM 2024, di Putrajaya.

**"Objektif lain termasuk perluasan kebolehcapaian perkhidmatan kesihatan primer kepada warga emas di klinik desa yang bermula sejak Julai 2019 dan sehingga Jun 2024, sebanyak 146 buah klinik desa terlibat"**

Menteri Kesihatan,  
Dr Dzulkefly Ahmad

galakan agenda penuaan sihat merupakan tanggungjawab bersepadu segenap lapisan masyarakat dalam menghadapi cabaran transisi ke arah negara menua pada 2035.

Sambutan Hari Warga Emas tahun ini bertemakan "Sihat Madani Di Usia Emas"

memfokuskan kepada aktiviti promosi kepentingan penuaan sihat dan bermurah yang perlu bermula dengan pencegahan penyakit tidak berjangkit (NCD) sejak usia muda serta pembudayaan hidup sihat melalui Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS).

Dzulkefly berkata, selaras dengan hasrat tersebut, KKM sedang menambah baik Garis Panduan Pelaksanaan Kelab Warga Emas bagi kesemua 256 Kelab Warga Emas yang kini aktif di bawah kementerian.

Dijangka siap menjelang 2025, garis panduan itu antara lain bertujuan memperkasakan penjagaan sendiri kesihatan warga emas agar kebolehan berfungsi terus kekal dan kemerosotan dapat dilambatkan.

Malaysia dijangka mencapai status negara menua pada 2035 apabila 15 peratus daripada penduduk merupakan warga emas.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NEGARA

## KKM lancar 2 pelan tindakan perkasaa kesihatan warga emas

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kesihatan (KKM) melancarkan dua pelan tindakan bagi memperkasakan perkhidmatan kesihatan warga emas di negara ini.

Dua pelan berkenaan iaitu Pelan Tindakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas KKM 2023-2030 dan Pelan Tindakan Dementia 2023-2030.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, kedua-dua pelan itu menyedaikan hala tuju perkhidmatan kesihatan warga emas sehingga tahun 2030.

Beliau berkata, kedua-dua pelan itu mengariskan strategi pemerkasaan penjagaan kesihatan warga emas supaya golongan itu kekal sihat dalam komuniti dibantu pelbagai program pencegahan dan penjagaan diri.

"Objektif lain pelan itu termasuk memperluas kebolehcapaian perkhidmatan kesihatan primer kepada warga emas menerusi klinik desa yang bermula sejak Julai 2019 sehingga Jun 2024.

"Buat masa ini, sebanyak 416 buah klinik desa telah terlibat," katanya pada sidang akhbar se-

lepas menyempurnakan sambutan Hari Warga Emas peringkat KKM di sini semalam.

Katanya, pelan-pelan tindakan ini sekali gus memberi hala tuju yang lebih jelas dan strategik dalam pelaksanaan perkhidmatan kesihatan yang lebih holistik dan berkesan melalui pendekatan seluruh kerajaan dan seluruh masyarakat.

Dr. Dzulkefly berkata, soal penjagaan kesihatan dan penggalakan agenda penuaan sihat adalah tanggungjawab bersepadu segenap lapisan masyarakat dalam

menghadapi cabaran sepanjang transisi ke arah negara menua.

Menurutnya, sambutan Hari Warga Emas tahun ini bertepatan 'Sihat Madani Di Usia Emas' iaitu memfokuskan kepada aktiviti promosi kepentingan penuaan sihat dan bermaruah yang perlu bermula dengan pencegahan penyakit terutamanya penyakit tidak berjangkit (NCD) sejak usia muda, serta pembudayaan hidup sihat melalui Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS).

Katanya, selaras dengan hasrat

itu, KKM sedang menambah baik Garis Panduan Pelaksanaan Kelab Warga Emas yang akan memandu kesemua 256 Kelab Warga Emas yang kini aktif di bawah KKM.

"Garis panduan itu antara lain bertujuan memperkasakan penjagaan sendiri kesihatan agar kebolehan berfungsi terus kekal dan kemerosotan dapat dilambatkan," katanya.

Malaysia dijangka mencapai status negara menua (*aged nation*) pada 2035 apabila 15 peratus daripada penduduk terdiri daripada warga emas.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NEGARA



**DR. DZULKEFLY** (enam dari kanan) bergambar bersama warga emas selepas merasmikan Majlis Perasmian Sambutan Hari Warga Emas Peringkat KKM 2024 di Putrajaya semalam.

## KKM nilai tahap mental anak GISBH

**PUTRAJAYA** – Kementerian Kesihatan (KKM) kini dalam proses menilai tahap kesihatan mental kanak-kanak yang diselamatkan dari rumah amal GISB Holdings Sdn. Bhd. (GIS-BH) menerusi Op Global baru-baru ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, buat masa ini, kanak-kanak berkenaan ditempatkan di Pusat Latihan Polis (Pulapol) Kuala Lumpur dan berada di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Sejak diselamatkan, kanak-kanak berkenaan telah diberikan perkhidmatan kaunseling oleh JKJ dan kaunselor KKM.

"Saya belum mendapatkan statistik (jumlah sebenar kanak-kanak yang mengalami kesihatan mental). Kalau nak statistik secara lebih jelas dan lebih konkrit saya tidak boleh menyebutnya secara spesifik.

"Apapun banyak perkara masih dalam siasatan dan kami terlibat untuk memberikan kaunseling dan saya percaya bahagian Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH) kita akan terlibat," katanya pada sidang akhbar selepas menyempurnakan sambutan Hari Warga Emas per-

ingkat kementerian di sini semalam.

Katanya, KKM memberikan kerjasama penuh terhadap isu membabitkan kanak-kanak berkenaan terutama terkait dengan kesihatan.

Dr. Dzulkefly berkata, pihak KKM akan memberikan sokongan perkhidmatan secara khusus dan berlandaskan kepakaran dalam KKM.

"Kita bersedia untuk membantu. Kalau perlu kita akan buat kenyataan kemudian tapi sekarang kita tidak ada apa-apa yang nak terbitkan kerana saya tegaskan kes ini masih dalam siasatan.

"Cuma saya boleh sahkan, kanak-kanak ini telah menjalani proses dan sesi kaunseling. Statistik mengenainya akan diberikan kemudian," katanya.

Sebelum ini, seramai 13 pakar psikologi daripada NCEMH dan Hospital Kuala Lumpur (HKL) disediakan KKM bagi merawat kanak-kanak yang diselamatkan dalam Op Global.

Kumpulan pakar psikologi tersebut merupakan pasukan petugas khas yang melakukan saringan kesihatan mental kepada kanak-kanak terbabit yang kini ditempatkan sementara di Pulapol Kuala Lumpur.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 16  
RUANGAN : NEGARA

16 Negara!



SIVANESAN (kiri) melakukan lawatan ke SK Chepor, Ipoh susulan isu 101 orang murid sekolah itu mengalami keracunan makanan pada 25 September lalu.

## Ayam goreng dan air coklat punca 100 murid sakit Heret pemilik kantin sekolah ke mahkamah

Oleh FADZIL ZAINOL

**IPOH** – Pengusaha kantin Sekolah Kebangsaan (SK) Chepor di sini akan berdepan tindakan undang-undang ekoran kes keracunan makanan melibatkan lebih 100 orang murid sekolah tersebut pada 25 September lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan dan Hal Ehwal Masyarakat India Perak, A. Sivanesan berkata, pendakwaan di mahkamah jarang dilakukan, namun tindakan tersebut harus dibuat kali ini memandangkan kes yang berlaku sangat serius.

Jelasnya, pendakwaan itu akan dibuat di bawah Seksyen (11) Akta Makanan 1983.

Katanya, pengusaha kantin sekolah itu sebelum ini pernah diberikan dua teguran secara bertulis daripada pentadbiran sekolah berkaitan kebersihan.

"Kes ini sangat serius, jadi

saya juga telah memutuskan bahawa kita harus mendakwa dia sebab kita ada cukup kes untuk buktikan di mahkamah. Kes ini harus dibawa ke mahkamah, biar mereka buktikan di sana (mahkamah)," katanya semasa melawat sekolah itu semalam.

Jabatan Kesihatan Negeri pada 28 September lalu menyatakan, berdasarkan hasil siasatan awal, makanan yang disyaki menjadi punca kejadian keracunan makanan adalah minuman bancuhan berperisa coklat dan ayam goreng yang disediakan di dapur kantin tersebut.

Pihak pejabat kesihatan daerah telah membuat pemeriksaan premis kantin sekolah tersebut pada 25 September dan mendapati penilaian premis makanan berasaskan risiko adalah tidak memuaskan dengan tahap penilaian 67.9 peratus.

Kes tersebut juga menyebabkan

kan seorang murid terpaksa di-tahan di wad Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB). Setakat ini, hampir semua murid yang terkesan sudah pulih dan kembali bersekolah.

Sivanesan berkata, beliau melihat tindakan undang-undang itu penting untuk memberikan mesej kepada pengendali makanan yang lain termasuk kantin dan restoran.

"Saya juga meminta maaf secara terbuka kepada ibu bapa atas kejadian yang berlaku," katanya selain menyatakan hasil mesyuarat antara pihak berkepentingan menunjukkan sudah ada bukti untuk menamatkan tender pengusaha kantin.

Sejak kes berlaku, operasi kantin sekolah tersebut telah ditutup selama 14 hari dan urusan pembekalan makanan diuruskan oleh pihak pentadbiran sekolah dan pendidikan daerah.



AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : NASIONAL

TELUS &amp; TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

TELUS & TULUS  
**Sinar**  
Harian

NASIONAL

9

RABU 2 OKTOBER 2024 • SINAR HARIAN

# GISBH: Kanak-kanak diberi kaunseling

KKM nilai tahap kesihatan, bimbang kanak-kanak terjejas berdepan isu kesihatan mental

Oleh SITI NOOR FAEZAH MUDA  
PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang membuat penilaian tahap kesihatan mental kanak-kanak yang diselamatkan daripada rumah amal kendalian GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, kanak-kanak yang terjejas

dikhuatiri berdepan dengan isu kesihatan mental akibat trauma dihadapi.

"Banyak perkara masih dalam siasatan. Kami (KKM) akan terlibat dari sudut untuk memberi kaunseling dan saya percaya bahagian Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental

Kebangsaan (NCEMH) terlibat di peringkat klinik," katanya kepada media selepas majlis sambutan Hari Warga Emas peringkat KKM 2024, di sini pada Selasa.

Tambahnya, kanak-kanak yang terjejas telah diberikan kaunseling, namun statistik terkini masih belum diperolehi.

Dr Dzulkefly berkata, secara



DR DZULKEFLY

umumnya, NCEMH bekerjasama dalam menyediakan sokongan kaunseling kepada kanak-kanak manakala KKM terlibat dalam hal-hal berkaitan aspek kesihatan dan perubahan.

Ujarnya, sokongan perkhidmatan secara khusus akan diberikan kepada kanak-kanak yang

terjejas berlandaskan kepakaran KKM.

Pada 11 September lepas, polis menyerbu 20 rumah amal dikendalikan GISBH di Selangor dan Negeri Sembilan, dan menyelamatkan 402 kanak-kanak susulan dakwaan pengabaian kanak-kanak, amang seksual dan perbuatan cabul. - Bernama

## Pastikan warga emas meniti usia bermaruah

KUALA LUMPUR - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) komited dan sentiasa mengambil pelbagai inisiatif dalam memastikan warga emas di Malaysia meniti usia dengan bamaruah.

Menteri berkenaan, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, ia selaras dengan Dasar Warga Emas Negara iaitu mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimalkan potensi diri.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada agensi kerajaan, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan, peratuan warga emas serta semua pihak yang terlibat dalam menyediakan perkhidmatan kepada warga emas dari aspek penjagaan dan apa jua bentuk sokongan demi mengangkat maruah warga emas," katanya dalam klip video yang di-

kongsikan menerusi Facebook KPWKM sempena Hari Warga Emas Peringkat Kebangsaan 2024 pada Selasa.

Hari Warga Emas disambut pada 1 Oktober setiap tahun bagi mengiktiraf jasa dan sumbangan warga emas ke arah pembangunan negara dan bangsa dengan tema tahun ini adalah "Penuaan Bermaruah: Memperkukuh Sistem Penjagaan dan Sokongan Warga Emas".

Tambah Nancy, semua pihak harus menyantuni dan memberikan kehidupan selesa kepada warga emas atas jasa dan peranan penting yang telah ditabur sepanjang usia mereka.

Ujarnya, berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, peratus warga emas bagi suku tahun kedua 2024 adalah 11.6 peratus atau 3.9 juta orang daripada jumlah penduduk Malaysia. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 13  
RUANGAN : NASIONAL

TELUK & TULLUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

TELUK & TULLUS  
**Sinar**  
Harian

NASIONAL 13  
RABU 2 OKTOBER 2024 • SINAR HARIAN

# Lindungi kesihatan anak-anak

Usaha beri kesedaran perlu diperhebat walaupun pelaksanaan Akta 852 berkuat kuasa serentak

Oleh **NORAWAZNI YUSOF**  
**KUANTAN**

**P**elaksanaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) yang berkuat kuasa pada Selasa adalah langkah tepat bagi melindungi kesihatan masyarakat khususnya kanak-kanak dan remaja daripada bahaya produk tembakau serta rokok elektronik.

Peniaga, Rosamsidah Mohd Fadzir, 46, meluahkan rasa lega dengan pelaksanaan akta yang sekian lama dinanti-nantikan masyarakat.

"Sebagai ibu saya bimbang dengan penjualan vape yang

tidak terkawal. Tapi sekarang sudah ada akta dan kita harap akta ini didedahkan secara meluas.

"Bukan apa akta ini sangat penting dalam melindungi kesihatan anak-anak kita," katanya ketika ditemui di bandaraya Kuantan pada Selasa.

Ibu kepada empat anak itu memberitahu, walaupun akta ini adalah satu langkah positif, namun usaha memberi kesedaran dan pendidikan dalam kalangan semua pihak perlu diperhebatkan.

Ujarnya, ini bagi memastikan mereka lebih memahami peraturan baharu dan dapat mengamalkannya demi kesihatan awam.

Senada dengan itu, penjawat awam, Hafizi Rozailan, 40, turut berharap kerajaan tidak mendengar desakan pemain industri terutamanya rokok elektronik.

Jelasnya, perkara yang perlu diberi perhatian dan dititikberatkan kerajaan adalah kesihatan masyarakat khususnya generasi muda.

"Perkara paling penting ada-

lah tentang masa depan anak muda kita, jangan fikirkan sudut ekonomi semata-mata, sebab benda ini sudah jadi barah (dan) kritikal.

"Kalau kita lihat negara jiran dah perketatkan perkara ini, negara kita masih perlahan (dalam bertindak) sehingga menyebabkan lambakan rokok elektronik tanpa sekatan (kawalan) oleh majoritinya budak sekolah," katanya yang bersetuju jika aktiviti penjualan rokok elektronik diharamkan selain memperketatkan penguatkuasaan.

Sementara itu, peniaga, Badrul Faizudin Mat Isa, 30, berkata, pelaksanaan Akta 852 ini membuktikan komitmen kerajaan dalam mengawal penjualan produk terbabit yang sebelum ini dijual secara terbuka tanpa larangan yang ketat.

"Selepas ini pencemaran kurang berpunca daripada asap rokok dan rokok elektronik," katanya.

Pada Isnin, Kementerian



ROSAMSIDAH

HAFIZI

Kesihatan Malaysia (KKM) dalam kenyataan memaklumkan Akta 852 yang diwartakan pada 2 Februari lalu akan berkuat kuasa serentak bersama Peraturan-Peraturan dan Perintah di bawahnya bermula pada Selasa.

Menurut kenyataan itu, penguatkuasaan akta tersebut melibatkan beberapa aspek yang akan dikuatkuasakan secara serta-merta dan berfasa.

Ia termasuk peruntukan berkaitan penjualan produk merokok berbentuk permainan dan menarik perhatian golongan kanak-kanak serta remaja bertujuan mengekang kebolehdapatan produk berkenaan.

## Akta 852 dikuat kuasa secara berhemah

**PUTRAJAYA** - Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) akan dikuat kuasa secara berhemah dan munasabah, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

"Saya yakin penguat kuasa KKM (akan) ambil pendekatan berhemah supaya kerelaan dan kesediaan mereka terlibat dalam industri ini memahami kita (kerajaan) lakukan semua ini adalah untuk kebaikan kesihatan generasi muda," katanya pada Selasa.

Tambahnya, terdapat dua aspek dalam pelaksanaan akta itu iaitu serta-merta dan penguatkuasaan pendidikan, agar wujud suasana saling menghormati undang-undang dan hak terutama dalam penjualan produk tembakau rokok elektronik atau vape kepada kanak-kanak bawah umur. - *Bernama*

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 1  
RUANGAN : MUKA HADAPAN

## Akta 852: Orang ramai tidak tahu larangan jual rokok terbuka

Oleh **ARIF AIMAN ASROL,**  
**RAJA JAAFAR, SAFINA RAMLI**  
dan **MOHAMAD NAUFAL**  
**MOHAMAD IDRIS**  
utusannews@mediamulla.com.my

**PETALING JAYA:** Ramai peniaga mendakwa mereka tidak tahu Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) telah dikuatkuasakan bermula semalam.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, kebanyakan peniaga masih mempamerkan pelbagai jenis rokok secara terbuka di rak-rak jualan sedangkan Akta 852 melarang penjualan bahan tembakau secara terbuka.

Antara alasan diberikan, mereka tidak mendapat maklumat mengenai penguatkuasaan Akta 852 yang melarang produk mengandungi nikotin dipamerkan secara terbuka bermula semalam.

**Bersambung di muka 2**

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 2  
RUANGAN : DALAM NEGERI

Utusan Malaysia  
RABU • 2 OKTOBER 2024

2

## Akta 852: Orang ramai tidak tahu larangan jual rokok terbuka

Dari muka 1

Seorang pekerja di sebuah rangkaian kedai runcit di George Town, Amelia Hassan berkata, dia tidak tahu mengenai penguatkuasaan akta tersebut.

"Tiada siapa yang maklumkan kepada kami produk rokok tidak boleh dipamerkan secara terbuka mulai hari ini. Selalunya, akan ada petugas Kementerian Kesihatan (KKM) datang dan maklumkan kepada kami. Namun, tiada siapa yang maklumkan mengenai Akta 852 kepada kami," katanya kepada Utusan Malaysia semalam.

Kenyataan sama disuarakan oleh pekerja runcit di Shah Alam, dikenali sebagai Ali, 30, yang memberitahu, dia tidak mengetahui larangan tersebut serta penguatkuasaan akta berkenaan, namun bersedia untuk mematuhi jika diarahkan oleh majikan.

"Majikan tidak beri arahan kepada saya supaya jangan letak rokok atas rak jualan. Kalau ada arahan, saya pasti letakkan rokok di tempat yang majikan suruh," katanya.

Seorang lagi peniaga, Ahmad Shah, 50, pula berkata, dia memerlukan masa untuk memindahkan rokok-rokok yang dijual ke tempat lain.

"Semalam saya kena jumpa pembekal kerana ada masalah stok barang. Tetapi, saya tetap akan alihkan rokok di tempat lain seperti yang kerajaan minta," katanya.

Di Johor Bahru pula, tinjauan yang dibuat mendapati, pasar raya, kedai runcit dan stesen minyak masih menjual rokok secara terbuka dengan alasan tidak tahu penguatkuasaan Akta 852 dan pekerja di kaunter memberitahu, mereka hanya mengikut arahan daripada pihak atasan atau pemilik premis.

Sementara itu, Setiausaha



**PENJUALAN rokok secara terbuka masih berlaku walaupun kerajaan menetapkan mulai 1 Oktober, semua premis perniagaan tidak dibenarkan meletakkan rokok di rak-rak terbuka. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI**

Agung Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM), Ridhwan Rosli mengakui tidak mudah untuk mengubah normalisasi dalam perniagaan selepas ia beroperasi selama berdekad.

Bagaimanapun katanya, tidak mustahil untuk industri berubah ke arah yang lebih baik dengan mematuhi Akta 852 tetapi ia memerlukan sokongan dan dorongan daripada pihak kerajaan.

"Kami sangat-sangat menyuruh semua pihak mengambil pendekatan proaktif iaitu dalam tempoh enam bulan ke satu tahun ini, kita cuba buat yang terbaik dan mengikut peraturan-peraturan Akta 852.

"Ini kerana, sekiranya kita melanggar akta tersebut, ia akan memberi kesan yang buruk kepada industri secara keseluruhan. Satu perniagaan buat salah, tetapi orang ramai akan anggap satu industri vape bersalah. Salah satu peraturan yang DPVM sendiri dan industri secara majoriti setuju adalah, kami tidak mahu penyalahgunaan vape oleh kanak-kanak," katanya kepada

Utusan Malaysia.

Dalam pada itu, pakar perubatan kesihatan awam, Datuk Dr. Zainal Ariffin Omar berkata, orang awam perlu membuat laporan terhadap perokok dan penghisap rokok elektronik atau vape yang melanggar peraturan dalam Akta 852.

"Kita harap kerajaan menguatkuasakan Akta 852 ini secara menyeluruh di lapangan iaitu di kedai-kedai makan mahupun kawasan awam. Tidak guna sekiranya kita ada peraturan itu tetapi pelaksanaannya lemah.

"Orang awam juga perlu memberi kerjasama yang baik terhadap penguat kuasa, sekiranya melihat ada yang melanggar Akta 852 maka terus lapor supaya tindakan dapat diambil," katanya.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad sebelum ini mengumumkan Akta 852 akan dikuatkuasakan mulai semalam merangkumi peraturan pendaftaran, penjualan, pembungkusan, pelabelan dan larangan merokok di tempat awam.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## KKM nilai tahap mental kanak-kanak diselamat dari rumah amal GISBH

**PUTRAJAYA:** Kementerian Kesihatan (KKM) kini dalam proses menilai tahap kesihatan mental kanak-kanak yang diselamatkan dari rumah amal GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH) menerusi Op Global baru-baru ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, buat masa ini, kanak-kanak berkenaan ditempatkan di Pusat Latihan Polis (Pulapol) Kuala Lumpur dan berada di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Beliau berkata, sejak diselamatkan, kanak-kanak berkenaan telah diberikan perkhidmatan kaunseling oleh JKJ dan kaunselor dari KKM.

“Saya belum mendapatkan statistik (jumlah sebenar kanak-kanak yang mengalami kesihatan mental). Kalau mahu statistik secara lebih jelas dan lebih konkrit saya tidak boleh menyebutnya secara spesifik.

“Apapun banyak perkara masih dalam siasatan dan kami terlibat untuk memberikan kaunseling dan saya percaya bahagian Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH) kita



**DZULKEFLY Ahmad beramah mesra bersama warga emas selepas merasmikan Majlis Perasmian Sambutan Hari Warga Emas Peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia Tahun 2024 di Putrajaya semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR**

akan terlibat,” katanya selepas menyempurnakan sambutan Hari Warga Emas peringkat KKM, di sini semalam.

Katanya, KKM memberikan kerjasama penuh terhadap isu membabitkan kanak-kanak berkenaan terutama terkait dengan kesihatan.

Sementara itu, mengenai sambutan Hari Warga Emas,

Dzulkefly berkata, KKM melancarkan dua pelan tindakan bagi memperkasakan perkhidmatan kesihatan warga emas di negara ini.

Kata beliau, dua pelan berkenaan iaitu Pelan Tindakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas KKM 2023-2030 dan Pelan Tindakan Dementia 2023-2030.

“Kedua-dua pelan itu menye-

diakan hala tuju perkhidmatan kesihatan warga emas sehingga tahun 2030,” kata beliau.

Beliau berkata, kedua-dua pelan itu menggariskan strategi pemeraksanaan penjagaan kesihatan warga emas supaya golongan itu kekal sihat dalam komuniti dibantu pelbagai program pencegahan dan penjagaan diri.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 19  
RUANGAN : FORUM

## Dadah lolipop sasar kanak-kanak sebagai mangsa

**KEMUNCULAN** lolipop khayal ataupun lebih dikenali sebagai lolipop parti atau lolipop mabuk yang dipercayai mengandungi dadah semakin meluas di platform e-dagang tempatan menimbulkan kebimbangan dalam kalangan ibu bapa dan pihak berkuasa.

Lolipop ini yang dilaporkan pertama kali ditemui pada Februari lalu di Bangkok tanpa disedari sudah mula dijual di laman platform e-dagang tempatan.

Tahmah diucapkan kepada Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil dan juga Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) yang bertindak pantas mengambil tindakan dengan membuat laporan polis tentang penjualan dadah itu di platform e-dagang.

